

BAB 7 : SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

BAHAGIAN A : ISI TEMPAT KOSONG

Ciri-ciri Dewan Negara dan Dewan Rakyat

- 1 Dewan Negara adalah dewan tertinggi dalam sistem pemerintahan negara
- 2 Keanggotaannya adalah seramai 69 orang. Anggota Dewan Negara dipanggil Senator
- 3 Anggota Dewan Negara mewakili setiap negeri. Mereka dilantik tanpa melalui pertandingan dalam pilihan raya tetapi dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong.
- 4 Mereka merupakan individu yang memberikan sumbangan cemerlang dalam perkhidmatan awam, bidang profesional, atau bidang tertentu atau yang mewakili sesuatu kumpulan minoriti seperti Orang Asli.
- 5 Anggota Dewan Negara akan memegang jawatan untuk tempoh 3 tahun. Mereka perlu berumur sekurang-kurangnya 30 tahun
- 6 Ahli Dewan Negara adalah setaraf dengan Ahli Parlimen dan mereka boleh dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri
- 7 Dewan Rakyat pula merupakan dewan terpenting kerana ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya umum
- 8 Dewan Rakyat mempunyai 219 orang ahli. Setiap ahli mewakili semua kawasan pilihan raya di seluruh Negara . Mereka berkhidmat selama 5 tahun
- 9 Dewan Rakyat berfungsi menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat

Ciri-ciri Badan Pelaksana

- 1 Jemaah Menteri atau Kabinet merupakan badan pelaksana dasar-dasar kerajaan.
- 2 Tugas Jemaah Menteri adalah menggubal dasar-dasar kerajaan dalam semua perkara
- 3 Ketua Jemaah Menteri adalah Perdana Menteri.
- 4 Setiap kementerian diketuai oleh seorang Menteri dan dibantu oleh Timbalan Menteri , Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik.
- 5 Seseorang Menteri yang tidak diberi tugas dalam kementerian tertentu dikenali sebagai Menteri Tak Berportfolio.
- 6 Ketua Setiausaha Negara bertanggungjawab mengawasi perjalanan kementerian dan jabatan kerajaan.
- 7 Semua kakitangan awam bertanggungjawab melaksanakan dasar dan tugas yang ditetapkan oleh kerajaan.
- 8 Jabatan kerajaan diketuai Ketua Jabatan yang dikenali sebagai Ketua Pengarah.
- 9 Badan berkanun merupakan badan separuh kerajaan yang mempunyai kuasa autonomi tertentu.
- 10 Beberapa suruhanjaya yang ditubuhkan untuk mengendalikan urusan pelantikan , kenaikan pangkat , dan pemantauan disiplin perkhidmatan awam seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam , Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan , Suruhanjaya Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman dan Suruhanjaya Pasukan Polis dan Majlis Angkatan Tentera.

BAHAGIAN B : SOALAN STRUKTUR

Badan kehakiman

Soalan 1 Badan Kehakiman adalah antara badan terpenting dalam sistem pemerintahan negara.

a) Senaraikan **dua** mahkamah atasan negara.

- F1 Mahkamah Persekutuan
- F2 Mahkamah Rayuan
- F3 Mahkamah Tinggi

(2 markah)

b) Apakah **dua** tugas Peguam Negara?

- F1 menjadi Pendakwaraya
- F2 Peguambela bagi kerajaan
- F3 menjadi Penasihat Undang-undang

(2 markah)

c) Nyatakan **dua** kuasa badan kehakiman?

- F1 menentukan kesahihan undang-undang
- F2 mentafsir Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri
- F3 mendengar dan menentukan perkara sivil dan jenayah

(2 markah)

d) Senaraikan **dua** kuasa mahkamah di Malaysia

- F1 mentafsir perlembagaan negara mentafsir undang-undang
- F2 mengisytiharkan undang-undang bertulis Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri
- F3 berkuasa mengisytiharkan sesuatu tindakan kerajaan tidak sah di sisi undang- undang

(2 markah)

e) Pada pendapat anda, apakah kepentingan undang-undang?

- F1 memelihara keamanan/kesejahteraan negara
- F2 kestabilan politik
- F3 kemajuan negara
- F4 kemajuan ekonomi
- F5 perpaduan rakyat

(mana-mana jawapan yang munasabah)

(2 markah)

Pilihan raya

Soalan 2

Pilihanraya merupakan ciri penting sistem demokrasi berparlimen di Malaysia

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan pilihanraya ?
- F1 Proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada peringkat negeri atau persekutuan
 - F2 Pemilihan dilakukan dengan secara sulit dengan menggunakan prosedur yang telus dan teratur
 - F3 Pengiraan undi dibuat secara terbuka dan keputusannya direkodkan
- (2 markah)
- b) Berikan **dua** pihak yang terlibat dalam pilihanraya
- F1 Suruhanjaya Pilihanraya
 - F2 Calon
 - F3 Pengundi
- (2markah)
- c) Nyatakan **dua** syarat yang perlu untuk menjadi calon dalam pilihanraya
- F1 Warganegara Malaysia
 - F2 Berumur 21 tahun keatas
 - F3 Bermastautin di Malaysia
 - F4 Sempurna akal
 - F5 Bukan orang yang muflis
 - F6 Tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam
 - F7 Tidak disabit dengan sesuatu kesalahan oleh mahkamah
- (2 markah)
- d) Nyatakan sebab pilihanraya kecil terpaksa diadakan.
- F1 Apabila berlaku kekosongan kerusi dimana-mana-kawasan parlimen atau Dewan Undangan Negeri
 - F2 Kekosongan disebabkan hal seperti kematian , peletakan jawatan , atau perlucutan jawatan
- (2 markah)

e) Pada pandangan anda, apakah kepentingan pilihanraya kepada masyarakat Malaysia?


- F1 Proses memilih pemimpin negara
- F2 Boleh menentukan bentuk kerajaan
- F2 Boleh memilih pemimpin yang disukai
- F4 Menggunakan hak sebagai rakyat negara demokrasi (mana-mana yang munasabah)

(2 markah)

BAHAGIAN B: SOALAN ESEI

Rajah berikut merujuk kepada tiga komponen dalam parlimen Malaysia

Soalan 1



- (a) Terangkan tentang keanggotaan Dewan Negara dalam Parlimen Malaysia. (8markah)
- (b) Jelaskan proses meluluskan undang-undang di Parlimen (8markah)
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda ,apakah keunikan jawatan Yang di – Pertuan Agong dalam sistem pemerintahan Malaysia (8 markah)

Peraturan Pemarkahan

a) Terangkan tentang keanggotaan Dewan Negara dalam Parlimen Malaysia.

- | | | |
|-----|---|---|
| F 1 | Ahli Dewan Negara digelar senator | 1 |
| F2 | Terdiri daripada 69 orang ahli | 1 |
| F3 | Setiap negeri diwakili oleh dua orang senator | 1 |
| F4 | Dilantik tanpa melalui pertandingan dalam pilihanraya | 1 |
| F5 | Ahli dipilih oleh Dewan Undangan Negeri | 1 |
| F6 | Ahli juga dilantik oleh yang di- Pertuan Agong | 1 |

F7	Senator memegang jawatan selama tiga tahun sepenggal	1
F8	Senator mesti berumur sekurang-sekurangnya 30 tahun	1
F9	Taraf senator sama dengan Ahli Parlimen	1
F10	Senator boleh dilantik menjadi ahli jemaah menteri	1
F11	Senator yang dilantik oleh yang di- Pertuan Agong terdiri daripada individu yang telah member sumbangan cemerlang	1

(Maksimum 8 markah)

b) Jelaskan proses meluluskan undang-undang di Parlimen

F 1	Cadangan rang undang-undang oleh kementerian berkenaan	1
F2	Penggubalan rang undang-undang oleh Jabatan Peguam Negara	1
F3	Pembacaan pertama di Dewan Rakyat	1
H3a	Pembacaan tajuk rang undang-undang sahaja	1
F4	Pembacaan kedua di Dewan Rakyat	1
F5	Rang undang-undang dibahaskan	1
F6	Perbincangan secara terperinci tentang rang undang-undang pada peringkat jawatankuasa Dewan Rakyat	1
F7	Pembacaan ketiga di Dewan Rakyat	1
F8	Dibhaskan sebelum diluluskan	1
F9	Dikemukakan di Dewan Negara	1
F10	Pembentangan di Dewan Negara	1
F11	Mengulangi proses yang sama seperti di Dewan Rakyat	1
F12	Penyerahan rang undang-undang diluluskan oleh Dewan Negara	1
F13	Penyerahan Rang Undang-undang kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong untuk dipekenankan.	1
F14	Diturunkan cap Mohor Negara	1
F15	Diwartakan / Pemberitahuan undang-undang dalam warta kerajaan	1

(Maksimum 8 markah)

C) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda ,apakah keunikan jawatan Yang di–Pertuan Agong dalam sistem pemerintahan Malaysia

F 1	Dipilih daripada kalangan sembilan orang Raja-Raja Melayu	1
F2	Daripada Sembilan buah Negeri Melayu	1
F3	Secara bergilir-gilir	1
F4	Pemilihan baginda mengikut peruntukan dalam Perlembagan	1

	Malaysia	
F5	Memerintah atas nasihat Perdana Menteri	1
F6	Baginda tidak boleh bertindak sendirian	1
F7	Kecuali dalam perkara yang memerlukan budi bicara baginda untuk membuat keputusan	1
F8	Tempoh memerintah sepenggal lima tahun	1
F9	Tonggak negara	1
F10	Simbol keutuhan dan perpaduan rakyat	1
F11	Ketua Utama Negara	1

(Maksimum 4 markah)

BAHAGIAN D- SOALAN OBJEKTIF

- 1 Jadual berikut menjelaskan peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.

Perkara	Peruntukan
75	Undang-undang Negeri yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatal dengan sendirinya

Mengapa peruntukan tersebut diperlukan ?

- A Mengelak pindaan perlembagaan
- B Menyatukan perlembagaan negeri
- C Menjamin keluhuran perlembagaan**
- D Menjamin sepenuh ketaatan rakyat

JAWAPAN: C

- 2 Apakah yang dapat disimpulkan daripada senarai peruntukan kuasa berikut dalam Perlembagaan Malaysia ?

• Senarai Negeri • Senarai Bersama • Senarai Persekutuan
--

- A Negara persekutuan**
- B Kerakyatan Jus Soli
- C Pemerintahan demokrasi
- D Kuasa ketua kerajaan

JAWAPAN : A


- 3 Sejak tahun 1957 , Perlembagaan Malaysia telah dipinda beberapa kali.
Apakah tujuan pindaan ini dibuat ?
- A Menjamin kedudukan hak istimewa tidak dipinggir
 - B Memelihara budaya kaum lain
 - C Menepati aspirasi rakyat
 - D Melicin urusan pentadbiran negara**

JAWAPAN : D

- 4 Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi berparlimen.
Apakah ciri sistem pemerintahan tersebut ?
- A Pengukuhan kerjasama antara kaum
 - B Pembolotan kuasa kerajaan pusat
 - C Peningkatan pencapaian ekonomi negara
 - D Pemilihan pemimpin melalui pilihanraya**

JAWAPAN : D

- 5 Rajah berikut merujuk kepada komponen dalam badan perundangan sistem pemerintahan negara.



X ialah.....

- A Yang di Pertuan Agong**
- B Yang Dipertua Negeri
- C Majlis Raja-Raja
- D Perdana Menteri

JAWAPAN : A

- 6 Senarai Persekutuan memuatkan bidang kuasa kerajaan Persekutuan
Apakah perkara yang termasuk dalam bidang kuasa kerajaan tersebut ?
- A Pemulihan
 - B Pertahanan**
 - C Perancangan bandar
 - D Perkhidmatan tempatan

JAWAPAN : B

7 Senarai berikut merujuk kepada badan berkanun.

- Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

Apakah peranan badan tersebut ?

- A Memasarkan hasil pengeluaran
- B Menyediakan tapak perniagaan
- C Mempercepat program pembangunan**
- D Mempergiat pembukaan petempatan baru

JAWAPAN : C

8 Apakah syarat-syarat yang perlu ada pada calon yang ingin bertanding dalam pilihanraya umum negara kita ?

- I Bebas daripada pengistiharan muflis
- II Memegang jawatan dalam kerajaan
- III Mempunyai wang untuk berkempen
- IV Berumur lebih daripada 21 tahun

- A I dan II
- B I dan IV**
- C II dan III
- D III dan IV

JAWAPAN : B